

Malaysia bangkit kebimbangan IKS berhubung TPPA di Brunei
Malaysian Insider
Aug 23 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) hari ini berkata pihaknya telah membangkitkan kebimbangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan juga kepentingan Bumiputera Malaysia dalam persidangan perbincangan Perjanjian Trans Asia Pasifik (TPPA).

Perkara itu dimaklumkan menterinya, Datuk Seri Mustapa Mohamed dalam kenyataan yang dikirimkannya daripada Brunei - lokasi persidangan TPPA ke 19 - dan beliau turut menyuarakan keperluan Malaysia bagi matlamat pembangunan sosio-ekonomi dan juga polisi tindakan afirmatif kerajaan.

"Saya menyuarakan Malaysia mempunyai kesukaran dengan cadangan sosio-ekonomi sedia ada yang dilihat menjangkau objektif negara membentuk kesamaratan dalam perniagaan, dan memberikan implikasi serius terhadap sosio-ekonomi Malaysia.

"Kebimbangan ini turut dikongsi bersama dengan negara-negara yang mengambil bahagian," katanya.

Perbincangan di Brunei melibatkan 12 negara dan telah berlangsung pada Khamis, 22 Ogos.

Mustapa dalam kenyatannya turut berkata, beliau telah memaklumkan kebimbangan Malaysia berhubung perjanjian berkenaan, termasuk pihak berkepentingan termasuk juga kebimbangan berhubung ketelusan dan pendedahan kandungan perbincangan.

Beliau turut berkata, isu kebimbangan berkenaan harga ubat-ubatan, alam sekitar dan juga mengulangi pendirian Malaysia dalam perundangan negara berdasarkan pendekatan perbincangan bagi menyelesaikan pertelingkahan.

"Saya juga turut mengambil peluang untuk menyatakan kerajaan bersetuju dengan dua kos tambahan dana analisis kebaikan untuk mencapai kebaikan sebenar yang akan diperolehi negara melalui TPPA.

"Dalam sidang ke-19, sebelum kembali ke Kuala Lumpur, saya mengarahkan jururunding untuk mengengahkan kedudukan kita dan mandat Kabinet untuk melindungi kepentingan nasional," kata Mustapa mengakhiri kenyataannya.

Penyertaan Malaysia dalam rundingan TPPA menimbulkan reaksi negatif banyak pihak, termasuk pembangkang dan juga kumpulan badan bukan kerajaan pendesak Melayu, Perkasa yang melihat perjanjian berkenaan menggugat kemerdekaan negara melalui penjajahan ekonomi oleh Amerika Syarikat.

Demonstrasi oleh Gabungan Membantah TPPA juga berlangsung hari ini dengan hampir 100 peserta demonstrasi berarak dari Bangunan Tabung Haji menuju ke Kedutaan Amerika Syarikat sambil melaungkan "Merdeka" sejurus selepas solat Jumaat.

Kebimbangan mereka termasuklah kuasa ekonomi Malaysia akan tergugat dengan campurtangan Amerika Syarikat dalam perjanjian tersebut, yang mana dakwa kumpulan ini akan "menjajah ekonomi negara." – 23 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malaysia-bangkit-kebimbangan-iks-berhubung-tpa-di-brunei>